



# **SIMPOSIUM FIQH MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI MALAYSIA**

**TARIKH**

23 - 24 Disember 2009 / 06 - 07 Muharam 1431H

**TEMPAT**

Dewan Annex, Dewan Undangan Negeri Selangor,  
Shah Alam

## **JIZYAH KEPADA WARGA NEGARA BUKAN ISLAM ANALISA KEMUNGKINAN PELAKSANAAN DALAM REALITI MALAYSIA**

Oleh:

Prof. Madya. Dr. Ahmad Zaki Bin Ibrahim  
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,  
Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya

**ANJURAN**

Persatuan Ulama Malaysia Cawangan Selangor (PUMSEL)  
Dengan Kerjasama  
Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)  
Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)



# **JIZYAH KEPADA WARGA NEGARA BUKAN ISLAM ANALISA KEMUNGKINAN PELAKSANAAN DALAM REALITI MALAYSIA\***

Oleh:  
Dr. Ahmad Zaki Bin Ibrahim\*\*

## **1. Pendahuluan.**

Islam sebagai al Din iaitu agama yang sempurna lengkap dan meliputi, telah meletakkan persoalan bernegara atau pemerintahan sebahagian dari tuntutan agama. Berdasarkan kedudukan ini mengikut Ibn khaldun dalam analisa perbandingan dengan dua lagi sistem pemerintahan negara dalam perkembangan sejarah peradaban manusia<sup>1</sup> memperlihatkan negara atau pemerintahan dan pentadbiran Islam dalam perkembangan sejarah lebih berintegriti dan bersih dari penyelewengan kerana kalangan pimpinan pemerintah dan penjawat awamnya merasakan segala penyelewengan dan urus tadbir yang salah bukan sahaja kesalahan dari sudut undang-undang negara tetapi juga kesalahan dalam agama dan akan mendapat pembalasan di akhirat oleh Allah.

## **2. Islam dan Pemerintahan.**

Pemerintahan atau negara Islam adalah pemerintahan yang meletakkan Syariah Islam sebagai undang-undang negara baik, dalam konteks undang-undang kewangan dan ekonomi, undang-undang kekeluargaan, undang-undang jenayah dan undang-undang lain. Melalui keadaan ini menentukan kemuslahatan kehidupan manusia di dunia dan diakhirat. Berasaskan ini membangunkan pemerintahan dari perspektif Islam adalah tuntutan wajib agama iaitu wajib bagi masyarakat Islam berusaha membangunkan pemerintahan Islam.

Para pengkaji sejarah hidup Rasulullah s.a.w dan usaha yang dilakukan oleh ummat Islam generasi awal dilihat dari sudut praktik dan diqiaskan secara perbandingan amalannya dizaman moden ini, ia membawa pengertian sebagai agama

---

\* Kertas kerja ini dibentangkan dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam di Malaysia, anjuran Persatuan Ulama' Malaysia Cawangan Selangor (PUMSel), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 23-24 Disember 2009, bertempat di Dewan Annex, Bangunan Dewan Undangan Negeri Selangor, Shah Alam., Selangor Darul Ehsan.

\*\* Dr Ahmad Zaki adalah Prof Madya dan Pensyarah kontrak lepas bersara di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>1</sup> Ibn Khaldun membahagikan sistem pemerintahan kepada tiga jenis. Pertama ialah al Hukm al Istibdabi yang difahami dalam istilah semasa sebagai pemerintahan otokrasi. Kedua ialah al Malik atau al Hukm al Dusturi iaitu pemerintahan berasaskan undang-undang digubal hanya berdasarkan rasional akal. Manakala ialah pemerintahan atau negara Islam yang berasaskan syariah al Mukaddimah hlm 158-160.



dan politik tidak terpisah dalam usaha membangunkan dan mentadbir negara. Kesimpulan ini diperakui oleh semua aliran mazhab dalam masyarakat Islam<sup>2</sup>. Bahkan ikut diakui oleh banyak pengkaji barat<sup>3</sup>.

Jika disoroti sejarah dakwah Rasulullah memperlihatkan bahawa Baginda memulakan semenjak di Makkah selama 13 tahun. Kemudian Baginda berhijrah ke Kota Yathribe (Madinah) dan memperkenalkan sahifah Madinah yang dilihat oleh para pengkaji sebagai perlembagaan bertulis kepada sebuah negara berdaulat dalam peradaban manusia. Dengan itu terasas dan terbangun Negara Islam pertama di Kota Yathribe dengan Baginda Rasulullah s.a.w sebagai Ketua Negara Islam pertama.<sup>4</sup>

Berikutan kewafatan Rasulullah s.a.w kalangan ummat Islam mewakili kelompok al Ansar (penduduk asal Kota Madinah) dan al Muhajirin (kalangan Islam dari Kota Makkah yang berhijrah ke Yathribe) telah bermesyuarat di Saqifah bani Sa'adah bagi memilih ketua negara menggantikan Rasulullah s.a.w. berasaskan kedudukan ini kalangan sahabat Rasulullah memperakui bahawa pada diri Rasulullah s.a.w dua peranan iaitu peranan sebagai Rasul pembawa agama Islam dan peranan sebagai ketua negara. Dalam konteks sebagai Rasul tiada keperluan pengganti kerana ia hak Allah dan Rasulullah s.a.w adalah Rasul utusan Allah terakhir. Dalam konteks sebagai ketua pemerintah perlu kepada ketua negara baru. Berikutan itu dipersetujui melantik Abu Bakar sebagai khalifah Islam bagi menggantikan Rasulullah s.a.w. berasaskan ini kedudukan negara Islam adalah diakui secara ijma' semenjak era sahabat dan dalam sejarah kemudiannya.<sup>5</sup>

### **3. Warga Negara Kepada Pemerintahan Islam.**

Disoroti sejarah pertumbuhan negara Islam dan sepanjang kekuasaan Islam didapati warga negara atau rakyat kepada negara Islam tidak terdiri sepenuhnya dari penganut Islam walaupun Islam menuntut negara dan setiap individu ummat Islam untuk berdakwah bagi memperkembang dan menyebarkan Islam kepada seluruh ummat manusia atas sifat agama yang diredhai Allah untuk menjadi anutan ummat manusia seluruhnya namun, Islam tidak menghendaki pimpinan ummat Islam, pemerintahan dan ummatnya menggunakan pendekatan memaksa manusia menganut agama Islam.

---

<sup>2</sup> Kalangan ulamma' ahli al Sunnah wal al Jamaah memperakui sebagai wajib bagi ummat Islam melaksanakan proses perlantikan imam (pemimpin) bagi mengetahui pemerintahan Islam pandangan diakui oleh aliran al Murji'ah dan Kharawij. Berasaskan ini wajib bagi ummat Islam membangunkan negara atau pemerintahan Islam Dr Thiauddin al Raisi al Nazariyat al Siasiah al Islamiah, Der al Nahdhah Cairo 1973 hlm 127.

<sup>3</sup> Pengkaji barat seperti C.A Nallino berpendapat bahawa Mohammad dalam hidupnya telah mengasaskan agama (A Religion) dan negara (A State). Pendapat hampir sama diperakui Sir T. Arnold apabila menegaskan bahawa pada diri Mohammad adalah ketua agama dan ketua kepada sebuah negara berasaskan agama, lihat Sir T. Arnold *The Caliphate* P. 198 dan 30.

<sup>4</sup> Prof Dr Thia'uddin al-Rais, *Op.cit.*, h. 130.

<sup>5</sup> *Ibid.*



Segala usaha itu hendaklah dilakukan dengan dakwah dan dialog secara berperadaban. Allah berfirman melalui ayat 256 dari surah al Baqarah (2) yang bermaksud:

*“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam) kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulannya (tali agama) yang teguh, yang tidak akan putus dan (ingatlah) Allah maha mendengar, lagi maha mengetahui.”*

Sewaktu Rasulullah s.a.w mengasas dan membangunkan negara Islam dinyatakan sebelum ini berikutan seperti hijrah Baginda dari Kota Makkah ke Yathrib ianya terbangun diatas berbagai komuniti masyarakat dari pelbagai agama seperti yahudi dan kristian. Demikian perkembangan pemerintahan Islam dalam era selanjutnya di zaman Khalifah al Rasyidin dan Bani Umawiyah, Abasiyyah dan Othmaniah kesan pembukaan Islam, masyarakat yang menjadi warga negara Islam di wilayah Syam, Iraq, Egypt dan lain-lain juga terdiri dari pelbagai anutan agama seperti kristian dan yahudi. Hakikat yang nyata komuniti kristian yang kini menjadi sebahagian rakyat Egypt, Iraq dan lain hingga kini pun adalah warisan dari penganut-penganut kristian dan yahudi semenjak zaman pembukaan Islam ke negara-negara tersebut. Ia adalah bukti tentang pemerintahan dan pimpinan Islam tidak menggunakan pendekatan paksaan dalam memperkembang penganutan agama Islam dikalangan masyarakat manusia. Kedudukan penganut Islam sebagai kumpulan majoriti penduduk dinegara-negara tersebut terhasil dari penganut Islam masyarakat bukan Islam di negara tersebut secara redha dan yakin dengan kebenaran dan kebaikan Islam berbanding pimpinan politik yang memerintah negara itu sebelum Islam. Demikian keadaan yang sama berlaku di negara-negara lain selepas itu.

#### **4. Jizyah dan Perlaksanaan Dalam Pemerintahan Islam.**

Islam memperkenalkan konsep negara dan masyarakat berkeadilan. Berasaskan ini Rasulullah s.a.w setelah sampai ke Yathrib (Madinah) dan mengasaskan negara telah memperkenalkan konsep mempersaudarakan komuniti masyarakat Islam yang berhijrah dari Makkah (al Muhajirin) dengan masyarakat tempatan di Yathrib (al Ansar).<sup>6</sup> Perlaksanaan polisi dan dasar ini adalah bagi menjadikan masyarakat muhajirin yang agak miskin kerana terpaksa meninggalkan hartanya (khusus yang tidak boleh dipindah) di Makkah, dapat menikmati bantuan kebajikan melalui bantuan dari komuniti masyarakat al Ansar. Bahkan konsep al Muakhat juga mengaplikasikan kebajikan dalam bentuk pendedahan pengalaman dan kemahiran berbeza yang dimiliki oleh kedua-dua komuniti masyarakat Islam yang berada di Madinah pada waktu itu. Masyarakat Muhajirin umpamanya agak kurang berkemahiran dalam sektor pertanian kerana faktor-faktor muka bumi Makkah yang berbukit-bukit dari batu dan tiada pula sumber air seperti sungai dan hujan. Tetapi sebaliknya masyarakat al Ansar mempunyai

---

<sup>6</sup> Al-Tabari, *Tarikh al-Umam wal Muluk*, Dar al-Maa'rif, Cairo. Jil.3, h. 200.



kemahiran tinggi dalam lapangan perdagangan kerana sumber asas kegiatan dan aktiviti ekonominya adalah perdagangan di Syam dan juga di Yaman. Melalui sistem al-mu'akhat telah memberi peluang kepada kedua masyarakat Muhajirin dan Ansar pengalaman dan kemahiran baru yang tidak dimiliki sebelum ini.

Khalifah Abu al Sidek ketika memberi ucapan sulungnya setelah dipilih sebagai Khalifah yang pertama berikutan kewafatan Rasulullah s.a.w telah menegaskan bahawa golongan berada adalah lemah pada pandangannya aku hingga diambil darinya untuk diagihkan kepada golongan lemah (fuqara dan miskin) dikalangan rakyatnya untuk memperkuat dan memperteguhkannya<sup>7</sup> polisi yang dilakukan Rasulullah s.a.w dan pernyataan Khalifah Abu Bakar dan banyak lagi bukti lain adalah antara beberapa polisi dan pendekatan yang pernah dilakukan pimpinan generasi awal masyarakat Islam dalam memenuhi tuntutan kebajikan dalam masyarakat.

Semasa Rasulullah s.a.w di Yathribe juga Allah menurunkan ayat yang memfardhukan keatas penganut Islam fardhu zakat yang pengagihannya adalah untuk golongan lemah dalam masyarakat Islam dari kalangan fuqara', miskin dan lain-lain. Walaupun terdapat pandangan sesetengah ulama' yang mengharuskan pengagihannya boleh sama diberikan kepada kalangan komuniti lemah masyarakat bukan Islam juga berasaskan kumpulan (firqah) mu'alaf, namun behagian terbesar dari pengagihan zakat adalah untuk masyarakat Islam. Berasaskan berkemungkinan tidak akan dapat memenuhi keperluan membantu komuniti lemah masyarakat bukan Islam seluruhnya.

Dalam sistem percukaian Islam pula telah memperkenalkan berbagai bentuk cukai seperti Kharaj dan lain. Antara sumber yang ikut diperkenalkan juga ialah jizyah iaitu pengambilan sebagai cukai kepada golongan bukan Islam, seperti individu masyarakat Islam difardhukan zakat fitrah. Cukai seperti ini dimanfaatkan pengagihannya untuk kepentingan keamanan dan kebajikan masyarakat. Seperti juga dalam pengagihan zakat untuk kebajikan dan jihad isitu pertahanan dan keselamatan negara. Asas kepada kewajipan pemerintahan Islam memungut dari kalangan bukan Islam ialah jizyah iaitu firman Allah dari ayat 29 surah al Taubah (9) membawa maksud membuktikan kesetiaan dan ketaatan mereka kepada pemerintahan Islam perlaksanaan sistem Islam dalam pemerintahan dan sumbangan mereka sebagai warga negara dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara serta kebajikan masyarakat. Melalui kewajipan berzakat kepada komuniti masyarakat Islam dan jizyah kepada rakyat bukan penganut Islam memperlihatkan asas Islam yang meletakkan tanggungjawab menjaga keamanan dan kebajikan masyarakat adalah tanggungjawab negara dan masyarakat warganegara penganut Islam bukan Islam secara bersama.

Jika penguatkuasaan jizyah oleh pemerintahan Islam keatas warga negara bukan Islam dilihat secara perbandingan dengan fardhu zakat ke atas ummat Islam ternyata beban warga negara bukan Islam masih lebih kecil kerana jizyah dikuatkuasakan atas

---

<sup>7</sup> Al Tabari, *op.cit*, h. 210.



diri sahaja bukan harta dan pendapatan aktiviti ekonomi. Disamping itu jizyah hanya dikuatkuasakan diatas lelaki dewasa sahaja tidak wanita atau kanak-kanak, sedangkan zakat meliputi zakat diri dan harta dan difardhu keatas wanita dan kanak-kanak juga. Disudut lain dalam fardhu zakat telah ditentukan agama kadar nilai yang wajib dibayar, sedangkan dalam jizyah agama tidak menetapkan nilai kadar wajib dilaksanakan dan menyerahkan kepada pimpinan negara Islam menetapkan samaada berasaskan nilai bayaran zakat fitrah atau lebih sedikit atau kurang sedikit, mengambil perhitungan kedudukan ekonomi masyarakat bukan Islam itu sendiri.

Demikian sudut asas perbelanjaan pungutan dana jizyah juga tidak diperincikan secara nyata dari nas-nas al Quran dan Sunnah yang menjadi sumber pemikiran dan sistem Islam. Berasaskan ini ia terbuka kepada Ijtihad pimpinan negara Islam berdasarkan keperluan yang terserlah dari semasa ke semasa samaada untuk kepentingan kebajikan dan keselamatan atau pembangunan masyarakat dan negara umumnya.

Jika disoroti sejarah pemerintahan Islam di zaman Rasulullah s.a.w hinggalah berakhir pemerintahan khalifah Othmaniah didapati pimpinan pemerintahan Islam telah melaksanakan sistem cukai jizyah dan penggunaan adalah untuk tanggungjawab negara dalam sektor pertahanan di satu sudut, pembangunan ekonomi dan kebajikan masyarakat di sudut yang lan. Berasaskan ini ia boleh diambil iktibar untuk pelaksanaan di Malaysia.

## **5. Kemungkinan pelaksanaan jizyah di Malaysia masa kini**

Malaysia hari ini adalah sebuah negara di mana komuniti masyarakat atau warga negara agak komplek kerana ia terdiri dari pelbagai bangsa dan anutan agama . Dilihat dari sudut kedudukan ekonomi masyarakat yang lemah dalam ekonomi dalam pengertian fakir dan miskin tidaklah dapt dinafikan wujud dalam semua komuniti masyarakat sama ada MelayuIslam, Cina, India, dan lain-lain bangsa. Berasaskan adanya sistem zakat (diri dan harta) dalam Islam, telah melahirkan pandangan oleh sesetengah pihak ke arah memperluaskan pengagihan dana zakat terhadap masyarakat bukan Islam sama. Dilihat kepada pandangan fuqaha' dari pelbagai aliran mazhab ternyata boleh diperolehi pandangan yang mengharuskan pengagihan dana zakat kepada bukan Islam berasaskan kumpulan mu'alaf berasaskan umum iaitu telah menganut Islam dan memperolehi tekanan ekonomi keluarga yang kekal atas egama asal dan juga belum menganut Islam tetapi macam punyai minat kepada penganutan Islam. Oleh itu bagi maksud membantu ekonomi saudara baru atau memotivasikan ke arah penganutan Islam kumpulan belum menganut Islam dan menampak kecenderungan supaya segera mempraktikkan kecenderungan memeluk Islam yang telah menjadi minatnya.

Walaubagaimanapun, dilihat dari sudut kuantiti komuniti lemah ekonomi di kalangan masyarakat Islam adalah lebih besar berbanding komuniti lemah ekonomi bukan Islam, adalah kurang bijaksana mempraktikkan pengagihan dana zakat kepada



komuniti lemah bukan Islam. Tetapi, sebaliknya adalah lebih tepat dan lebih berkesan menggunakan pendekatan pelaksanaan jizyah yang diperkenal Islam dan diaplikasikan dalam sejarah tamadun Islam sebelum ini sebagai dana memenuhi membantu golongan lemah masyarakat bukan Islam. Jika dana zakat digunakan ia berkemungkinan boleh memanfaatkan sekadar 1/2 sahaja dari 1/8 dari firaq mualaf. Oleh ia tidak banyak kesan kerana agak kecil. Sebaliknya, manfaatnya lebih bererti dengan memperkenalkan sistem jizyah yang juga antara salah satu sistem yang diperkenal syariah dan diaplikasikan dalam tamadun Islam sebelum zaman kegemilangan Islam. Melalui pelaksanaan ini akan memperlihatkan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam tentang keunggulan Islam dalam usaha menseimbangkan jurang ekonomi antara masyarakat berada dan kurang berada. Melalui pelaksanaan sistem ini memperkukuhkan jalinan hubungan sosial antara masyarakat. Tindakan pimpinan politik dalam usaha pelaksanaan sistem ini memperlihatkan kesungguhan usaha pembinaan dan penghayatan negara dan masyarakat berkeadilan dinegara ini.

## **6. Kesimpulan dan Penutup**

Jizyah adalah suatu asas sistem cukai yang diperkenalkan untuk dilaksanakan pemerintahan Islam melibatkan komuniti masyarakat bukan penganut Islam. Dalam konteks negara Malaysia masa kini adalah wajar diperhitungkan untuk diperkenalkan oleh pemerintah federal atau negeri. Dana hasil pungutan jizyah boleh dijanakan untuk maksud keselamatan dan kebajikan menyentuhi keperluan masyarakat bukan Islam dalam negara dari semasa ke semasa. Pilihan memperkenalkan jizyah lebih selamat dari menimbulkan fitnah berbanding cadangan penggunaan dana zakat untuk kebajikan masyarakat bukan Islam, seperti dicadangkan sesetengah pimpinan politik Islam.